

14/02/1998

Ingkar: Kelantan serah kepada MT

Nasir Hassan

PASIR MAS, Jumaat - Tindakan disiplin terhadap ahli Umno Kelantan yang mengingkari arahan parti berhubung mesyuarat pemilihan Mac ini akan ditentukan oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno dan Badan Perhubungan Umno negeri.

Ahli MT, Datuk Mustapa Mohamed, berkata pihaknya menyerahkan kepada kedua-dua badan itu untuk mengambil bentuk tindakan terhadap ahli Umno yang melanggar arahan parti dan pucuk pimpinan.

"Jika kesalahan yang dilakukan ahli itu dianggap serius ia akan diserahkan kepada MT, jika sebaliknya ia hanya diselesaikan di peringkat badan perhubungan.

"Ahli Umno yang mengadakan kempen secara terbuka dan politik wang dianggap melakukan kesalahan serius dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh MT," katanya selepas berucap pada majlis Taklimat Khas Persidangan Cawangan-Cawangan dan Perwakilan Umno Bahagian Pasir Mas, di Dewan Sekolah Menengah Sultan Ibrahim, di sini, malam tadi.

Hadir sama pada majlis itu, Ketua Umno bahagian berkenaan, Datuk Ibrahim Ali dan Ketua Umno bahagian Kubang Kerian, Mat Zin Awang dan Penasihat Umno bahagian Pasir Mas, Hassan Ismail.

Mustapa kesal ada segelintir ahli Umno di negeri ini yang mengingkari arahan pucuk pimpinan parti supaya tidak mengadakan kempen secara terbuka dan menggunakan politik wang pada musim pemilihan.

"Jika ada laporan dan terbukti kesalahannya, tindakan tegas dan sewajarnya akan diambil terhadap mereka terbabit," katanya.

Ditanya mengenai ada segelintir ahli Umno yang didakwa mengadakan kempen secara terbuka untuk menentang penyandang Ketua Bahagian sekarang, beliau berkata tindakan yang sama harus dikenakan terhadap ahli terbabit jika terbukti bersalah.

Menurutnya, ahli parti hendaklah akur dengan keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti berhubung sesuatu peraturan demi perpaduan dan keutuhan parti.

"Tidak perlu kita berkempen kalau kita sudah membuktikan jasa kepada parti dan akan dikenali ramai jika kita banyak berbudi kepada masyarakat," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan menyarankan supaya jawatan Ketua Bahagian di negeri itu tidak dipertandingkan dalam mesyuarat pemilihan tahun ini untuk mengelakkan perpecahan.

Mustapa berkata, apa yang penting ahli parti hendaklah memperkukuhkan semangat perpaduan setelah berjaya memenangi pilihan raya Dewan Undangan Negeri Semarak, Ogos lalu.

"Ini kerana semangat itulah yang akan menjadi teras kepada kejayaan Umno untuk merampas semula negeri ini daripada Pas," katanya.

(END)